

**PM: Gembirakanlah rakyat
MalaysiaKini.com
3 September, 2012
Oleh Hazlan Zakaria**

Selain memastikan pendapatan lebih tinggi rakyat, model pembangunan Malaysia harus juga memikirkan cara bagi memastikan rakyat berasa gembira, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

Katanya, sekali pun rakyat Malaysia banyak wang tetapi terpaksa menghadapi kesesakan lalu lintas setiap pagi dan bimbangkan jenayah pada malam hari ia tetap akan menjejaskan indeks kegembiraan.

Bercakap dalam perhimpunan bulanan di Pejabat Perdana Menteri di Putrajaya hari ini, beliau menegaskan, sebarang kenaikan per kapita mestilah diikuti dengan peningkatan serupa dalam indeks kegembiraan.

Najib menerangkan perkara itu berdasarkan model pembangunan Malaysia yang tidak meniru secara mutlak daripada Barat atau Timur, tetapi menggunakan acuan sendiri.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
Source: <http://www.malaysiakini.com/news/207790>